

Submission date: 03/12/2018

Accepted date: 05/04/2019

**AZAM TANI MEMBANGUNKAN TAHAP DAYA SAING CARA TIDAK LANGSUNG TERHADAP PESERTA BERAGAMA ISLAM DI SEBERANG PERAI, PULAU PINANG***AZAM Tani Developing the Level of Competitiveness Not Directly to Islamic Participants at Seberang Perai, Penang*Mohd Hudzairi Mansor Mohd Nadzir<sup>a</sup>, Mohd Yusof Hussain<sup>a</sup> dan Zaimah Ramli<sup>a</sup>  
<sup>a</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia

hudzairi@gmail.com

**Abstract**

Poverty eradication programs are often seen concerning helping to increase the income of poor Muslim households. However, how about from aspect the competitiveness of the participants. Therefore, in this paper, the writer wishes to see whether the AZAM Tani Program can develop the competitiveness level of Muslim participants in the Seberang Perai area of Penang. The method is quantitative and the census is used to collect 54 samples using the survey form. The results of the analysis show that competitiveness is indirectly obtained through the implementation of this program. It is acquired through knowledge and skills. This can be seen in the Spearman correlation test. It also shows a significant relationship between program implementation with knowledge, knowledge with competitiveness and skills with competitiveness.

Keywords: AZAM Tani, poverty, knowledge, skill, competitiveness.

**Abstrak**

Program pembasmian kemiskinan sering kali dilihat dari aspek membantu peningkatan pendapatan isi rumah miskin beragama Islam. Namun begitu, bagaimana dari aspek daya saing pesertanya. Oleh itu dalam makalah ini, penulis ingin melihat adakah Program AZAM Tani dapat membangunkan tahap daya saing peserta beragama Islam di kawasan Seberang Perai, Pulau Pinang. Kaedah adalah kuantitatif dan bancian digunakan untuk kutip 54 sampel dengan menggunakan borang kaji selidik. Hasil analisis menunjukkan daya saing tidak diperoleh secara langsung melalui pelaksanaan program ini. Ia diperoleh melalui pengetahuan dan

kemahiran. Hal ini dapat dilihat dalam ujian korelasi Spearman. Ia juga menunjukkan hubungan yang signifikan di antara pelaksanaan program dengan pengetahuan, pengetahuan dengan daya saing dan kemahiran dengan daya saing.

Kata kunci: AZAM Tani, kemiskinan, pengetahuan, kemahiran, daya saing.

## PENGENALAN

Pembasmian kemiskinan telah menjadi salah satu agenda kerajaan semenjak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Hal ini kerana kemiskinan dilihat boleh memberi impak negatif kepada negara. Oleh itu, pihak kerajaan telah melancarkan pelbagai program untuk membangunkan pelbagai sektor bagi meningkatkan taraf sosioekonomi komuniti supaya dapat meningkatkan pendapatan, mengurangkan kemiskinan dan menghapuskan kadar kemiskinan tegar (Ibrahim et. al 2016). Namun begitu, isu kemiskinan masih wujud walaupun ia berkurangan. Ini dapat dilihat pada nilai peratus kadar kemiskinan yang masih wujud 0.3 peratus di bandar dan 1.6 peratus di luar bandar pada 2014 dari 24.6 peratus di bandar dan 58.6 peratus di luar bandar pada tahun 1970 (Kementerian Luar Bandar dan Wilayah 2017). Isu ini tidak putus-putus setiap tahun walaupun pelbagai usaha telah dilakukan.

Isi rumah yang banyak tergolong di dalam isu kemiskinan majoritinya adalah orang Melayu (Hairunnizam et al 2004). Jomo (1991) juga turut menyatakan majoriti nelayan miskin adalah di kalangan orang Melayu dan kedua adalah Cina. Jika dilihat, kemiskinan ini sinonim dengan orang Melayu yang beragama Islam di Malaysia (Muhammad 2011; Ahmad et al 2012). Oleh itu sebagai sebuah kerajaan yang mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam, tindakan membantu orang miskin wajar dilaksanakan. Maka dengan itu perhatian yang lebih perlu diberikan oleh kerajaan kepada mereka ini.

Sekiranya kita melihat daripada perspektif ajaran agama, Islam menggalakkan umat Islam membantu orang miskin. Hal ini dapat dilihat di dalam surah ke 107;-Al-Ma'un, di mana di dalam surah tersebut, Allah SWT menyatakan sifat orang yang mendustakan agama. Terjemahan di dalam ayat ke 3, menyatakan bahawa salah satu sifat tersebut adalah orang yang tidak memberi orang miskin makan. Ayat akhir surah sebut pula menyatakan satu lagi sifat orang yang mendusta agama iaitu orang yang enggan memberi bantuan. Jika dilihat di sini, orang Islam perlu membantu orang yang dalam kesusahan seperti orang miskin. Malah kemiskinan juga tidak dipandang hina oleh Islam. Namun Islam, menyuruh seseorang itu memperbaiki dirinya. Malah jika seseorang yang miskin itu dapat membangunkan dirinya, maka ia juga akan dapat turut membangunkan ekonomi Islam. Kemiskinan juga boleh dilihat sebagai ujian kepada seseorang Muslim. Di mana sejauhmana individu itu

bertakwa dan terus berusaha membangunkan diri untuk memastikan tiada pandangan negatif terhadap dirinya, isi rumah dan agama.

Melihat pula kepada pandangan pengkaji Islam terhadap konsep kemiskinan mempunyai pelbagai pendapat. Nasser Taib (1993) menyatakan bahawa bahawa orang miskin atau fakir merupakan orang yang tidak mempunyai harta benda dan wang ringgit. Menurut beliau lagi, orang fakir dan miskin berbeza. Nasser Taib (1993) menyatakan bahawa tindakan utama membasmi kemiskinan adalah berusaha keras iaitu bersungguh-sungguh untuk menyara hidup oleh individu yang terlibat dalam kemiskinan. Tambah beliau lagi, kemahuan kerja ini mestilah disertai dengan peluang-peluang kerja dan ganjaran yang setimpal. Kerja yang bakal dilaksanakan mestilah bersesuaian dengan sesuatu kelebihan yang ada pada individu tersebut. Malah ini boleh kaitkan dengan firman Allah SWT di dalam surah ke 13 iaitu Ar Ra'd (Guruh) ayat ke 11. Di mana Allah SWT memberitahu bahawa;

“Sesungguhnya Allah tidak merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri”.

Secara umumnya, kemiskinan dilihat pada tiga di klasifikasi pandangan. Kebanyakan pendapat ini diberikan dari barat. Pandangan pertama adalah kemiskinan mutlak, di mana seseorang mempunyai kekurangan daripada objektif kehidupannya seperti pendapatan dan merupakan situasi yang serius. Kemiskinan mutlak juga adalah penetapan satu standard yang tidak di pengaruhi dengan waktu, tempat dan negara. Sebagai contoh garis pendapatan kemiskinan (Henry and Amir 2011; Kumaran 2013; Norzita dan Siti 2014; dlm. Normaliza dan Kamarulazizi 2017). Hal ini kerana pendapatan amat diperlukan oleh seseorang itu untuk membeli keperluan harian seperti makanan, pakaian dan menyewa atau membeli tempat tinggal. Oleh itu pendapatan diperlukan bagi mempertahankan tingkat kehidupan yang paling minimum dalam masyarakat berpendapatan rendah dan tidak diisytiharkan miskin. Pandangan kedua adalah kemiskinan relatif (Henry and Amir 2011; Kumaran 2013; Norzita Jamil dan Siti Hadijah Che Mat 2014; dlm. Normaliza dan Kamarulazizi 2017). Kemiskinan ini tidak mempunyai hubungan dengan garis kemiskinan. Di mana seseorang mempunyai kekurangan daripada aspek yang lain dalam masyarakat yang sama. Pandangan yang terakhir adalah kemiskinan subjektif, yang merupakan kes di mana seseorang merasakan ingin kerana rasa tidak cukup untuk bergaul (Henry and Amir 2011; Kumaran 2013; dlm. Normaliza dan Kamarulazizi 2017).

Namun begitu aspek yang penting bagi semua pihak adalah bagaimana cara untuk mencegah, memerangi atau membasmi kemiskinan itu sendiri. Jika dilihat kepada

satu program pembangunan komuniti merangkap program pembasmian kemiskinan yang dilancarkan pada tahun 2010, salah satu objektifnya meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan daya saing golongan berpendapatan rendah. Program tersebut adalah Program AZAM Tani di bawah projek 1 AZAM. Selalunya pelaksanaan sesuatu program pembangunan komuniti yang juga bertujuan untuk pembasmian kemiskinan akan bertumpu pada peningkatan pendapatan.

Penulis tertarik dengan salah satu komponen yang terdapat dalam objektif program yang telah disebutkan. Komponen tersebut adalah daya saing. Sumihardjo (dlm. Norasmah et al 2015) menyatakan daya saing boleh disifatkan sebagai sebahagian daripada motivasi dalam diri seseorang untuk bekerja lebih baik, lebih cepat dan lebih cemerlang daripada orang lain di sekelilingnya. Oleh itu individu perlu ada sifat daya saing bagi membangunkan diri (Norasmah et al 2015). Hal ini perlu kerana ia boleh mengubah sesuatu komuniti terutama individu komuniti luar bandar dari mentaliti subsidi kepada kepada individu berdaya saing dan daya maju dan tidak berharap atau menunggu bantuan dari kerajaan (Mohd Koharuddin et al 2004). Malah pada abad kini setiap Muslim perlu membina jadi diri menjadi insan yang mempunyai daya saing serta beriman dan bertakwa untuk pembangunan masyarakat, organisasi dan negara (Hasan et al 2013).

Oleh itu daya saing juga perlu dalam seseorang yang ingin keluar dari kemiskinan. Hal ini dapat dilihat di mana daya saing salah satu adalah sebagai dari komponen modal insan (Irwan 2010; Mohd Fauzi & Mohd Khairul 2012; Azhar 2015). Pemilikan komponen dari modal insan akan menyumbang kepada pembangunan komuniti. Malah modal insan ini juga dilihat dapat mengurangkan kemiskinan secara langsung (Adekoya 2018) dan tidak langsung (Wijaya et al. 2011). Maka itu, penulis melihat sekiranya daya saing dibangunkan dalam diri individu miskin ia mungkin menyumbang kepada potensi individu tersebut keluar dari kemiskinan melalui pekerjaan yang dilaksanakan. Maka itu kepentingan pelaksanaan sesebuah program komuniti mengambil kira komponen ini adalah perlu.

Bagaimana pula dengan program AZAM Tani yang juga merupakan sebuah program pembangunan komuniti dalam membantu membangunkan tahap daya saing pesertanya. Adakah ia membantu membangunkan tahap daya saing pesertanya secara langsung atau tidak langsung? Oleh itu, makalah ini ingin melihat adakah Program AZAM Tani membantu membangunkan tahap daya saing peserta beragama Islam di kawasan Seberang Perai.

## **KAJIAN LITERATUR**

Masalah kemiskinan sebenarnya bukanlah satu masalah baru dan berlaku di kalangan orang Melayu utamanya. Yang mana orang Melayu di Malaysia ini

beragama Islam. Walau bagaimanapun kerajaan mencuba memperbaiki pendekatan atau kaedah yang telah dilaksanakan. Hala ini dapat dilihat pendekatan dan program yang telah dilaksanakan oleh kerajaan. Di dalam kajian literatur ini penulis mencuba menentengahkan beberapa kajian lepas bagi melihat pandangan yang telah diberikan ke atas usaha pembasmian kemiskinan. Hal ini kerana penulis melihat bantuan yang diberikan adalah salah satu bahagian kepada usaha bangunkan daya saing. Hala ini kerana daya saing juga perlu ada pada individu dalam melaksanakan sesuatu kerja (Fleming 2017; Siti Masayu & Narimah Samat 2018) untuk orang miskin adalah meningkatkan tahap pendapatan mereka.

Menurut Norasmah dan rakannya (2015) dalam kajian mereka, seseorang yang memiliki daya saing yang lebih tinggi akan berupaya untuk melakukan kerja dengan lebih baik. Malah individu itu mampu menghadapi pelbagai cabaran dan dapat menyesuaikan diri dengan kerjanya. Malah menurut mereka, daya saing mempunyai banyak dimensi. Walau bagaimanapun, penulis melihat hanya dua dimensi yang diperlukan oleh individu yang miskin dan bekerja, iaitu:-

- a) Daya saing agresif yang bermaksud tingkah laku yang berbentuk instrumental di mana mempunyai ciri-ciri agresif. Sebagai contohnya di mana seseorang yang mempunyai keinginan yang luar biasa bagi mendapatkan sesuatu yang membawa kepada tindakan yang drastik untuk memperolehnya (Azizi & Faizah 2004).
- b) Samiwati menyatakan daya saing peningkatan diri bermaksud proses perbuatan yang memerlukan daya usaha untuk membawa perubahan secara beransur-ansur daripada tahap yang rendah kepada tahap yang tinggi (dlm. Norasmah et al 2015).

Seterusnya dilihat kepada satu kajian ini yang dilaksanakan di Samarahan telah memberi salah satu sumbangan dalam pengukuran kemiskinan sebagai sebahagian daripada usaha untuk memerangi kemiskinan di kalangan petani miskin di Malaysia (Nor & Chamhuri 2015). Kajian ini telah menunjukkan bahawa petani adalah kumpulan yang berpendapatan paling rendah yang terdiri daripada 40 peratus dari jumlah penduduk di kawasan ini. Manakala upah puratanya adalah RM1440. Selain itu Nor & Chamhuri (2015) mendapati bahawa kepelbagaian pendapatan melalui aktiviti bukan ladang dapat mengurangkan kemiskinan. Malah ia dapat membantu golongan miskin dan miskin tegar meningkatkan pendapatan. Mereka juga berpendapat promosi dan insentif mesti diberikan kepada mereka yang terlibat dalam aktiviti bukan ladang, khususnya kepada orang miskin tegar untuk mengambil bahagian dalam aktiviti industri berasaskan pertanian. Bukan itu sahaja pemberian latihan, servis lanjutan dan pemantauan untuk membangunkan tahap keyakinan,

harga diri dan keupayaan orang miskin ini juga adalah perlu. Ini adalah untuk mengekalkan proses pembelajaran yang panjang dapat dicapai.

Syuhada et al (2013) mengkaji pembasmian kemiskinan melalui pembiayaan kredit mikro di bawah Program Amanah Ikhtiar. Kajian mereka ini bertumpu kawasan luar bandar di blok cawangan Kota Setar di Kedah. Mereka menyatakan bahawa pembiayaan kredit mikro membantu meningkatkan pendapatan dan taraf hidup. Manakala Abdullah et. al (2012) juga mengkaji berkaitan program kredit mikro di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), melihat kesan program ke atas kualiti hidup peserta di kawasan luar bandar Malaysia (Abdullah et. al 2012; Syuhada et al 2013). Hasilnya menunjukkan bahawa program kredit mikro dapat meningkatkan kualiti isi rumah miskin luar bandar di Malaysia.

Mohammad et al (2009) melihat kepada isu dan masalah program pembasmian kemiskinan nelayan tradisional di Kota Belut, Sabah. Kajian mereka menunjukkan penilaian awal yang boleh disimpulkan mengapa program pembasmian kemiskinan kerajaan sukar mencapai matlamat yang digariskan adalah kerana pakej program yang tidak lengkap dan sempurna. Pendekatan menyeluruh dengan pemantauan yang lebih rapi akan mampu memastikan matlamat membasmi kemiskinan berkenaan mencapai kejayaan yang digariskan.

Dalam kajian masalah kemiskinan di kalangan nelayan Perupok di Kelantan, Ishak (1990) menyatakan bahawa golongan nelayan terdapat yang miskin, sederhana dan kaya. Kebanyakan golongan nelayan ini adalah miskin dan mereka kurang modal dan tidak mempunyai peralatan nelayan sendiri. Beliau melihat anggaran kemiskinan pada tahun 1970, 1975 dan 1980. Menurut beliau lagi, golongan ini memperoleh pendapatan yang amat rendah (di antara RM30 hingga RM300) hingga menyebabkan mereka kurang mampu menyara keluarga mereka.

Selain itu juga, perlu juga dilihat kajian di luar kawasan dari Malaysia. Menurut Dowla dan Barua (dlm. Thabethe et al. 2012) di negara seperti India dan Bangladesh, perusahaan mikro manfaat daripada program mikro kredit, yang menawarkan pinjaman kecil untuk membantu golongan miskin untuk membasmi kemiskinan. Hal ini sama dengan Ahmad Kaleem dan Saima Ahmed (2010). Yang mana mereka berdua ada mencadangkan Kredit Micro Islam (MFI) supaya memastikan dana untuk pendidikan dan latihan vokasional kepada golongan miskin. Hal ini kerana mereka berpendapat pengetahuan baru penting bagi setiap orang seperti mana iman yang perlu ada pada setiap orang seperti sebut perkataan iman yang kerap disebutkan dalam ayat suci Al-Quran sebanyak 811 kali. Malah ini dapat membina keyakinan diri golongan miskin untuk bekerja.

Namun begitu menurut Demenge et al. (2015), jalan yang di bina boleh menjadi penyumbang kepada penurunan kadar kemiskinan di luar bandar. Jalan luar bandar di bina untuk meningkatkan mobiliti rakyat dan untuk meningkatkan akses kepada sesuatu tempat serta akses kepada pasaran perniagaan. Malah dengan adanya jalan mereka akan dapat berusaha mengeluarkan produk yang di hasil untuk dijual atau di pasarkan ke kawasan lain.

Tomás López-Guzmán et al (2011) pula berpendapat pelancongan juga boleh dianggap sebagai alat dalam memerangi kemiskinan. Pertubuhan Pelancongan Dunia (dlm. Tomás López-Guzmán et al 2011) menunjukkan bahawa pelancongan lestari dibangunkan di kawasan geografi tertentu boleh menjadi alat yang asas dalam pembangunan ekonomi dan pengurangan kemiskinan di kawasan-kawasan tertentu. Ia adalah untuk mewujudkan perniagaan menjual barangan dan perkhidmatan dengan cara menunjukkan nilai sumber budaya dan mempromosi alam sekitar. Hal ini dapat mewujudkan peluang pekerjaan terutamanya untuk wanita dan orang muda. Rajeev Sharma dan Gurpreet Singh (2015) dalam kajiannya menemui bahawa penggunaan teknologi moden mempunyai kesan yang positif, impak yang baik dan signifikan terhadap penggunaan isi rumah luar bandar di India. Mereka juga mengesahkan peranan potensi penggunaan teknologi meningkatkan kebajikan isi rumah luar bandar. Hal ini dapat membantu mengurangkan kemiskinan luar bandar. Mereka menyatakan lebih separuh isi rumah petani yang tiada sumber maklumat mengenai teknologi moden. Malah mereka juga menyatakan bahawa prestasi petani akan lebih baik jika mereka menggunakan teknologi moden. Dari pandangan mereka, terdapat keperluan langkah-langkah yang perlu diambil oleh institusi yang berkaitan yang boleh membantu petani marginal dan kecil untuk meningkatkan pendapatan mereka melalui akses yang lebih baik seperti teknologi moden ladang. Kelemahan akses kepada pasaran pertanian menyebabkan petani luar bandar telah sekian lama bergantung sara hidup kepada peserta lain iaitu peniaga, pengguna, pengantara dan mereka ini yang mendapat manfaat lebih (Magesa et al. 2014). Malah menurut Magesa et al. (2104) lagi petani miskin berhadapan dengan pelbagai cabaran apabila cuba untuk membangunkan akses kepada pasaran dan seterusnya memperbaiki kehidupan mereka. Oleh itu mereka perlu sesuatu yang mampu meyakinkan diri mereka untuk terus memperbaiki diri mereka.

Weinberger dan Lumpkin (2007) pula memberi penekanan kepada tanaman jenis hortikultur yang mana mampu membantu membasmi kemiskinan serta meningkat tahap nutrisi makanan. Pertanian jenis hortikultur boleh menawarkan peluang yang baik dan menambahkan pendapatan serta menyediakan peluang pekerjaan. Secara tidak langsung melibatkan petani miskin dalam sektor pemasaran. Ia merupakan pertanian yang terlibat gabungan sains, teknologi dan perniagaan. Malah turut

menggabungkan pelbagai tumbuhan untuk makanan, herba dan tanaman hiasan. Mereka berdua mencadangkan agar agensi pembangunan mesti meletakkan penekanan yang lebih kepada penyelidikan hortikultur dan pembangunan. Hal ini merupakan satu pendekatan yang berjaya untuk memaksimumkan hortikultur. Mereka juga menekan pentingnya kerjasama pihak awam dan swasta bagi memestikan pertanian ini berjaya dan secara langsung dapat disampaikan kepada petani miskin untuk terus keluar dari kemiskinan.

Jika dilihat kepada kajian lepas, bantuan yang sesuai diberikan kepada isi rumah miskin adalah bantuan peralatan atau mikro kredit serta pemindahan pengetahuan. Jika diperhalusi bantuan ini juga adalah satu sumber penyumbang kepada seseorang itu ingin berdaya saing. Hal ini kerana mereka yang menerima bantuan akan berusaha untuk keluar dari kemiskinan. Yang mana Xavier (2010) memberi contoh seseorang sedang berusaha memperbaiki prestasinya boleh dikatakan individu tersebut mencuba bersaing dengan dirinya sendiri. Beliau juga menyatakan bahawa kelebihan daya saing dilihat sebagai misi individu. Namun begitu jika dilihat terdapat juga kajian yang menyarankan pemantauan dibuat dengan lebih rapi. Hal ini kerana pemantauan lebih memberi individu lebih produktif.

## **METODOLOGI**

Dalam sesuatu penyelidikan, kaedah menjalankan dan memperoleh maklumat berkaitan penyelidikan adalah diperlukan. Maka kaedah pelaksanaan kajian diutarakan dalam bahagian ini. Lokasi kawasan kajian adalah kawasan Seberang Perai, Pulau Pinang yang mengandungi tiga daerah iaitu Daerah Seberang Perai Utara, Tengah dan Selatan. Kawasan ini juga terletak tanah besar Semenanjung Malaysia. Kesemua responden juga adalah beragama Islam dan peserta program AZAM Tani. Ada di antara mereka ini juga terdiri dari latar belakang pekerjaan yang berlainan. Mereka ini juga kumpulan isi rumah dewasa.

Kaedah kuantitatif dan bancian digunakan dalam kajian ini. Bancian digunakan kerana peserta AZAM Tani bagi bagi tahun 2011 di kawasan Seberang Perai, Pulau Pinang adalah 118 orang. Kesemua mereka berdaftar dengan sistem ekasih. Walau bagaimanapun, hanya 54 sampel yang berjaya ditemui dan dikutip di lapangan. Hal ini kerana terdapat responden yang meninggal dunia, berpindah dan tidak mahu terlibat dengan kajian. Bilangan ini tidak termasuk 10 orang peserta yang terlibat dalam ujian rintisan. Intrumen yang digunakan hanya borang kaji selidik.

Hasil kajian di bentang dalam data frekuensi dan peratusan dalam bentuk Jadual. Bukan itu sahaja ujian korelasi Spearman juga digunakan. Ia bagi menunjukkan hubungan bagi variabel yang terlibat.



## **PENEMUAN DAN PERBINCANGAN**

Hasil penemuan di lapangan menunjukkan bahawa kesemua responden program AZAM Tani ini adalah Melayu dan mereka beragama Islam. Hasil lapangan juga menunjukkan bahawa 94.4 peratus responden kajian adalah lelaki dan bakinya adalah perempuan. Mereka semua ini juga mendaftar diri dalam sistem eKasih dan kesemua mereka dipilih dari sistem eKasih. Sistem eKasih merupakan sistem pangkalan data keluarga yang berada di paras kemiskinan negara. Data dan maklumat yang dimasukkan ke dalam eKasih adalah berasaskan kepada Banci Isi Rumah Miskin atau nama singkatan BIRM. Pendaftar bagi sistem eKasih adalah isi rumah yang memperoleh pendapatan kurang daripada RM1000 sebulan di kawasan luar bandar dan RM1500 di kawasan bandar (BRIM 2017; Pejabat Pembangunan Wilayah Persekutuan Negeri Perak 2017). Menurut responden mereka diberi peralatan atau produk untuk mengikut projek kerja yang dijalankan. Selain itu mereka diberi kursus dan di pantau selama 3 tahun.

Seseorang yang berdaya saing boleh juga dilihat kepada ketekunannya bekerja. Hal ini kerana daya saing dibentuk bukan sahaja oleh perbezaan individu tetapi juga oleh konteks dan keadaan individu (Dumblekar 2010; dlm. Yeoh & Yeoh 2015). Malah daya saing juga persaingan dalam kerja atau kehidupan apabila pencapaian matlamat individu menjadikannya sama ada mustahil atau kurang untuk orang lain mencapai matlamat mereka (Deutsch 1973; dlm. Dumblekar 2010). Ia juga adalah keinginan untuk menang dalam hubungan antara orang. Individu yang kompetitif mungkin dijangka berusaha lebih keras, lebih awal atau lebih berkesan daripada yang lain (Kohn 1986; Dumblekar 2010). Maka dengan itu penulis melihat daya saing juga adalah sifat kesanggupan dan keinginan seseorang dan individu tersebut mahu dan akan mencuba dalam memperolehnya dengan cara yang positif. Jika dilihat selepas sertai AZAM Tani, 70 peratus responden melaksanakan kerja tambahan daripada enam peratus responden sebelum melaksanakan program.

Tahap daya saing ini dapat dilihat pada nilai min hasil dari analisis yang telah dilakukan. Jadual 1 menunjukkan bahawa nilai min bagi tahap daya saing adalah 3.46. Hal ini menunjukkan responden boleh dikatakan mempunyai sifat berdaya saing. Namun begitu jika melihat pada sumber dan motif, responden mempunyai sumber dan motif untuk melonjak daya saing pada satu peringkat yang boleh memberangsangkan. Walau bagaimanapun, dari aspek pemilikan aset dan perbelanjaan, majoriti responden tidak mampu memiliki rumah sendiri. Walau apapun, mereka tetap memberi penumpuan kepada perbelanjaan asas keluarga mereka dahulu.

Mengikuti pada status berdaya saing, majoriti sanggup bekerja lebih masa selain melaksanakan kerja tambahan. Malah mereka juga sanggup bersaing dengan sihat dalam pekerjaan yang mereka lakukan. Majoriti responden juga menjaga mutu pekerjaan mereka. Namun begitu, majoriti responden kurang berinovasi. Hal ini kerana mereka dilihat kurang berkemampuan mengeluarkan idea-idea baru. Menurut responden, kursus yang diberi hanya ketika menerima peralatan atau produk projek sahaja. Mereka tidak menerima bantuan pinjaman wang tunai. Hal ini bermaksud program ini tidak memperuntukkan bantuan mikro kredit.

**Jadual 1: Min bagi Pelaksanaan Program, Pengetahuan, Kemahiran dan Daya Saing**

Jumlah kesemua	Min
Pelaksanaan Program	3.51
Pengetahuan	3.28
1. Sumber Pengetahuan	3.29
2. Adaptasi Pengetahuan	3.28
Kemahiran	3.27
1. Sumber Kemahiran	2.94
2. Adaptasi Kemahiran Fizikal	3.54
3. Adaptasi Kemahiran Insaniah	3.35
Daya Saing	3.46
1. Sumber dan Motif Daya Saing	4.05
2. Daya Saing Pemilikan Asset dan Perbelanjaan	2.87
3. Status Daya Saing	3.53

Peralatan atau produk projek sahaja yang terima. Malahan ia diterima sekali itu sahaja setelah menyertai AZAM Tani. Pihak pelaksana memberi bantuan tersebut kepada mereka ketika menghadiri kursus yang disediakan. Walaupun, mereka banyak mendapat maklumat dari kursus itu. Kursus tersebut tidak mengelaskan mereka mengikut jenis projek yang dilaksanakan. Salah satu pengetahuan yang diperoleh ketika kursus tersebut adalah cara membuat buku log aktiviti kerja. Bagi slot ceramah agama berkaitan aspek pekerjaan, pihak pelaksana tidak ada menyediakannya di dalam kursus tersebut. Hal ini telah disahkan oleh semua responden.

Jika dilihat kepada Jadual 2, daya saing mempunyai hubungan yang positif dengan pengetahuan. Walau bagaimanapun daya saing tidak mempunyai hubungan yang

signifikan dengan pelaksanaan program. Maka hasil analisis menunjukkan daya saing tidak meningkat secara langsung melalui penyertaan program ini. Namun begitu melalui pemilikan tahap pengetahuan selepas sertai AZAM Tani, responden mampu membangunkan tahap daya saing dan kemahiran. Bukan itu sahaja, daya saing juga dapat dibangunkan melalui kemahiran. Hal ini kerana kemahiran mempunyai hubungan yang signifikan dengan daya saing. Pemilikan kemahiran dan daya saing mampu mewujudkan pendapatan tambahan iaitu pendapatan kedua. Penulis melihat kemahiran mempunyai hubungan yang kuat dengan daya saing. Seseorang yang mempunyai kemahiran akan lebih berkeyakinan melaksanakan pekerjaannya dengan adanya kemahiran. Selain itu, pengetahuan juga boleh menjadi permulaan sesuatu kemahiran. Melalui pengetahuan juga, seseorang itu dapat melaksanakan pekerjaan kedua. Malah ini membantu tahap daya saing seseorang ini berada di satu tahap yang lebih baik. Yang mana dengan keyakinan melalui pengetahuan di miliki individu tersebut akan mempunyai tahap daya saing untuk melaksanakan pekerjaan kedua. Malah ia akan membantu meningkatkan pendapatan melalui pekerjaan kedua tersebut.

## Jadual 2: Keputusan Ujian Korelasi Spearman

Nama Item	Kekuatan hubungan	Jenis hubungan	Signifikan pada aras	Nilai r
Pelaksanaan Program dengan Pengetahuan	Sederhana	positif	0.01	0.496 (**)
Pengetahuan dengan Kemahiran	Kuat	positif	0.01	0.612 (**)
Pengetahuan dengan Daya Saing	Sederhana	positif	0.01	0.409 (**)
Kemahiran dengan Daya Saing	Kuat	positif	0.01	0.728 (**)

Korelasi adalah signifikan pada aras \* $p < 0.05$  atau \*\* $p < 0.01$ , Nilai N=54

Namun begitu, penulis tidak menafikan bahawa pemberian bantuan peralatan dan produk juga sedikit sebanyak memudahkan sebahagian responden melaksanakan pekerjaan tambahan untuk memperolehi pendapatan kedua untuk isi rumah mereka. Lain pada itu, terdapat responden yang melibatkan ahli keluarga untuk menjayakan pekerjaan tambahan yang diusahakan oleh responden. Hal ini merupakan satu sokongan kepada responden yang mana akan menyumbangkan kepada tahap daya saing responden dalam kerjanya.

Pemberian peralatan atau produk untuk mulakan pekerjaan perlu diteruskan kerana ini membantu membangunkan daya saing seseorang. Hal ini kerana seseorang itu akan lebih bersemangat dalam melaksanakan kerjanya. Menurut Minten dan Barrett (2008) menyatakan bahawa sokongan dan penggunaan teknologi penting dalam pertanian bagi mengurangkan kemiskinan. Malah Alain dan Elisabeth (2002; Rajeev & Gurpreet 2015) juga pernah menyatakan bahawa teknologi pertanian memberi impak atau kesan dalam mengurangkan terhadap kemiskinan secara langsung dan tidak langsung. Begitu juga dengan pemantauan yang kerap dilakukan dan perlu diteruskan kerana ia menyebabkan peserta akan bekerja lebih kuat. Namun begitu, kerajaan perlu menimbangkan tambahan bantuan dari segi mikro kredit. Hal ini kerana bantuan itu juga satu motivasi untuk membantu meningkatkan pendapatan peserta AZAM Tani. Hal ini bersandar kepada kajian lepas yang telah dibentangkan. Bagi penulis, ia juga mampu membantu komuniti miskin membangunkan daya saing. Hal ini kerana dengan modal yang ada peserta akan lebih bersemangat untuk bekerja.

Pengetahuan dan kemahiran selalu dilihat sesuatu yang penting dalam seseorang individu untuk menjayakan pekerjaannya. Namun begitu, daya saing juga adalah penting pada individu komuniti miskin. Hal ini kerana untuk membantu individu tersebut bertahan lebih lama dalam pekerjaannya. Hawa (2017) menyatakan bahawa komuniti pertanian perlu berpengetahuan untuk memastikan mereka terus kekal dalam bidang mereka laksanakan itu. Menurut beliau dalam kajian yang pernah dijalankan, menunjukkan kebanyakan komuniti pertanian tidak mampu bertahan lama kerana tidak mempunyai ilmu yang cukup dan menggunakan sistem yang betul. Bagi Nor (2016), menyatakan individu yang ingin berjaya seharusnya mempunyai daya saing yang tinggi, kreatif dan inovatif serta mempunyai iltizam yang tinggi dalam menghasilkan barangan atau perkhidmatan yang memenuhi kehendak pelanggan dan pasaran dan konsep persaingan bukannya memusuhi lawan dengan melakukan sesuatu yang tidak sihat, malah lebih kepada proses penambahbaikan dan memajukan diri.

Perspektif dari sudut organisasi pula, pengetahuan adalah sumber organisasi yang memberikan kelebihan daya saing berlaku dengan mampan dalam ekonomi yang berdaya saing dan dinamik. (Davenport & Prusak, 1998; Foss & Pedersen, 2002; Grant, 1996; Spender & Grant, 1996; dlm Sheng dan Noe). Maka itu, boleh dikatakan semua aspek memerlukan sesuatu pengetahuan. Jika dilihat pada konteks kajian ini, pengetahuan merupakan sesuatu yang penting dan individu berpengetahuan amatlah diperlukan untuk menjayakan sesuatu kerja atau urusan. Selain itu, usaha juga boleh menjadikan seseorang itu lebih berdaya saing (Yahaya & Norsiah 2006). Seseorang itu perlulah berusaha. Dari aspek Islam juga, setiap individu perlu berusaha untuk mencari rezeki dan membangunkan kehidupannya. Ini

dapat dilihat pada terjemahan Firman Allah SWT di dalam surah ke 28 iaitu Al Qashash (cerita-cerita) ayat ke 73, yang bermaksud;

“Dan karena rahmat Nya, Dia jadikan untuk mu malam dan siang, supaya kamu beristirahat pada malam itu dan supaya kamu mencari sebahagian dari kurniaan Nya (pada siang hari) dan agar kamu bersyukur kepada Nya”. (Surah Al Qashash ayat 73).

Maka itu, tidak boleh dijadikan alasan untuk individu. Lebih-lebih lagi orang yang berada dalam kemiskinan. Seseorang perlulah bekerja mencari rezeki yang di sediakan oleh Allah SWT di atas muka bumi ini. Ini adalah lebih baik dari berpeluk tubuh. Maka dengan itu individu miskin perlulah berusaha memastikan kerja mereka berjaya, samaada meningkatkan daya saing dan menambah pengetahuan serta kemahiran.

Lain pada itu, pengetahuan dari aspek Islam diterapkan kepada peserta. Hal ini mungkin membantu peserta akan lebih berusaha dalam pekerjaan atau projek yang diusahakan. Menurut penemuan di lapangan, pihak pelaksana hanya memberi kursus mengandungi modul berkaitan pengurusan kerja dan perkara berkaitan pekerjaan serta projek. Oleh itu, pihak kerajaan dan pelaksana perlu juga memasukkan modul pemberian ceramah daripada ahli ilmuwan agama. Hal ini bagi menerangkan keperluan peningkatan pendapatan dan memanfaatkan peluang yang ada untuk pekerjaan dalam konteks Islam. Malah ia juga boleh menyumbang peningkatan lagi tahap daya saing. Oleh itu, pihak kerajaan perlu lebih prihatin dan lebih fokus lagi menambahbaik modul program. Ini kerana kepelbagaian pengetahuan adalah perlu bagi peserta Program AZAM Tani.

## **KESIMPULAN**

Pembasmian kemiskinan dilihat ketika ini adalah lebih meluas melalui peningkatan pendapatan. Bagi meningkatkan pendapatan pelbagai usaha yang dilakukan oleh kerajaan. Program AZAM Tani yang merupakan sebahagian dari projek 1 AZAM, dilihat mampu membantu komuniti miskin keluar dari garis kemiskinan. Hal ini kerana terdapat pembaharuan yang dibuat selain memberi peralatan atau produk. Pembaharuan itu kekerapan pemantauan dan pemberi kursus kepada pesertanya. Maka dengan itu, penulis melihat ia juga membantu meningkatkan daya saing peserta.

Namun begitu, penulis lebih melihat daya saing peserta AZAM Tani dibangunkan melalui pengetahuan yang diperolehi selepas menyertai program. Malah pembangunan daya saing juga mempunyai kaitan dengan pemilikan kemahiran. Hal

ini dapat dilihat pada ujian korelasi Spearman yang dibuat. Ujian tersebut menunjukkan hubungan yang signifikan di antara pelaksanaan program dengan pengetahuan, pengetahuan dengan daya saing dan kemahiran dengan daya saing. Kesemua perkaitan yang disebutkan berada pada peringkat positif. Maka dengan itu, boleh dibuat kesimpulan bahawa tahap daya saing dibangunkan secara tidak langsung melalui program yang dilaksanakan.

Oleh itu dapat dilihat dalam hasil kajian yang telah menunjukkan bahawa Program AZAM Tani yang dilaksanakan membantu meningkatkan daya saing pesertanya melalui meningkatkan pengetahuan dan kemahiran. Namun begitu kunci utama kepada peningkatan daya saing dilihat adalah pengetahuan. Hal ini kerana pengetahuan menyumbang kepada pembangunan tahap kemahiran dan pembangunan kemahiran juga menyumbang kepada pembangunan daya saing seseorang. Penambahan pengetahuan adalah penting untuk memberi peserta lebih yakin dan mampu bertahan dalam pekerjaannya. Hal ini kerana pengetahuan itu sebagai suatu aset dan bertindak sebagai maklumat, pembelajaran, data, cara tindakan dan pengalaman terdahulu. Namun begitu pihak kerajaan perlu memasukkan modul ceramah dari aspek agama di dalam kursus yang disediakan di bawah Program AZAM Tani.

Dari aspek Islam seseorang itu perlu berusaha dalam memperolehi sesuatu. Begitu juga individu yang dalam kemiskinan itu perlu berusaha. Hal ini kerana Allah SWT tidak akan mengubah nasib seseorang itu, jika seseorang itu tidak mengubahnya. Malah berusaha amat perlu untuk memperolehi sesuatu, malah ia dilihat satu aspek dalam daya saing. Maka dengan itu, penulis melihat setiap program yang menyumbangkan pengetahuan, perlu ada slot penerangan dari aspek Islam. Hal ini juga adalah usaha membantu meningkatkan lagi keazaman peserta AZAM Tani yang beragama Islam untuk lebih berusaha dan berdaya saing. Pelaksanaan modul slot penerangan atau ceramah ini dalam program pembasmian kemiskinan yang lain juga perlu di wujudkan dengan syarat peserta mestilah majoriti terdiri daripada orang Muslim.

## REFERENCES

- Adekoya, O.D. 2018. Impact of human capital development on poverty alleviation in Nigeria. *International Journal of Economics & Management Sciences*, 7(4), 1-8.
- Ahmad Kaleem & Saima Ahmed. (2010). The Quran and poverty alleviation: A theoretical model for charity-based Islamic Microfinance Institutions (MFIs). *Sage Publication*, 39 (3), 409-428.
- Ahmad Munawar Ismail, Zakaria Stapa & Siti Aishah Suhaimi. (2012). Islam dan pembentukan jati diri bangsa Melayu (Islam and the formation of Malay

- ethnic identity). *Jurnal Hadhari Special Edition*, 143-154. Diperoleh pada 1 September 2017, daripada [http://journalarticle.ukm.my/6103/1/JD005862\\_143-154.pdf](http://journalarticle.ukm.my/6103/1/JD005862_143-154.pdf).
- Alain de Janvry & Elisabeth Sadoulet. (2002). World poverty and the role of agricultural technology: Direct and indirect effects. *Journal of Development Studies*, 38(4), 1–26.
- Al-Quran dan terjemaaahan
- Azhar Hj.Wahid. (2015). Kesepaduan pendidikan modal insan dalam organisasi pendidikan. *Jurnal Peradaban Melayu*, 10, 33-41.
- Azizi Yahaya & Faizah Idris. (2004). *Tingkah laku agresif*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- BRIM. Diperoleh pada 20 September, 2017, daripada <http://www.br1m.info/ekasih/>.
- Davenport, T. H., & Prusak, L. (1998). Working knowledge: How organizations manage what they know. Boston, MA: Harvard Business School Press. Peroleh pada 25 September 2017, daripada [http://www.kushima.org/is/wp-content/uploads/2013/09/Davenport\\_know.pdf](http://www.kushima.org/is/wp-content/uploads/2013/09/Davenport_know.pdf)
- Demenge, J, Alba, R, Welle, K, Manjur K, Addisu, A, Mehta, L & Woldearegay, K. (2015). Multifunctional Roads: The Potential Effects of Combined Roads and Water Harvesting Infrastructure on Livelihoods and Poverty in Ethiopia. *Sage: Journal of Infrastructure Development*, 7(2), 165–180.
- Deutsch, M. (1973). *The resolution of conflict: Constructive and destructive processes*. New Haven, CT: Yale University Press.
- Dumblekar, V. (2010). Interpersonal competitiveness - a study of simulation game participants' behaviour. *Sage: Journal of Institute of Management Technology*, 14(2), 13-19.
- Fleming, P. (2017). The Human Capital Hoax: Work, Debt and Insecurity in the Era of Uberization. *Sage Journal: Organization Studies*, 38(5), 691–709.
- Foss, N. J., & Pedersen, T. (2002). Transferring knowledge in MNCs: The role of sources of subsidiary knowledge and organizational context. *Journal of International Management*, 8(1), 49–67.
- Grant, R. M. (1996). Toward a knowledge-based theory of the firm. *Strategic Management Journal*, 17, 109–122.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Noor. (2004). Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualitihidup: Kajian Kes Asnaf Fakir Dan Miskin. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 1(1), 151 -166.
- Hasan Al-Banna Mohamed, Ab. Mumin Ab. Ghani & Siti Arni Basir. (2013). Sistem pengurusan Islam yang berkualiti mampu menjamin kepuasan pekerja: Suatu realiti dan cabaran masa hadapan. *Global Journal Al Thaqafah*, 3(1), 67-84.

- Hawa Jaafar. (2017). Komuniti tani perlu ada pengetahuan untuk berjaya. Keratan akhbar Kosmo. Peroleh 15 Februari 2017 daripada <http://psasir.upm.edu.my/52415/1/Komuniti%20tani%20perlu%20ada%20pengetahuan%20untuk%20berjaya%20-%20Kosmo%21%2C%2015%20Februari%202017.pdf>
- Henry Ngun Ceu Thang & Amir Husin Baharuddin, (2011). Poverty reduction: A continuous social responsibility in Malaysia. *International Journal of Rural Studies*, 18(2), 1-4.
- Ibrahim Mamat, Aslina Nasir & Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang. (2016). Projek Keusahawanan Sosial Dapat Memenuhi Keperluan Penduduk Miskin dan Miskin Tegar. *International Journal of Business and Technopreneurship*, 6(10), 147-165.
- Irwan Bin Rosleh. (2010). Tranformasi PTV ke arah Melahirkan Modal Insan Kelas Pertama. Peroleh 7hb Mei 2019, daripada [http://eprints.utm.my/14920/1/Tranformasi\\_PTV\\_ke\\_arah\\_Melahirkan\\_Modal\\_Insan\\_Kelas\\_Pertama-eprint5.pdf](http://eprints.utm.my/14920/1/Tranformasi_PTV_ke_arah_Melahirkan_Modal_Insan_Kelas_Pertama-eprint5.pdf)
- Ishak Shaari. (1990). *Ekonomi Nelayan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jomo K.S. (1991). *Fishing for Trouble: Malaysian Fisheries, Sustainable Development and Inequality*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Data Asas Malaysia. Peroleh pada 21 Julai 2017, daripada <http://www.rurallink.gov.my/wp-content/uploads/2015/05/1-DATA-ASAS-MALAYSIA1.pdf>
- Kohn, A. (1986). *No contest*. Boston: Houghton Mifflin.
- Kumaran Rajandran, (2013). Metaphors for Malaysia's economic transformation programme. *Kajian Malaysia*, 31(2), 19–35.
- Magesa, M.M, Michael, K & Jesuk Ko. (2014). Access to Agricultural Market Information by Rural Farmers in Tanzania. *International Journal of Information and Communication Technology Research*, 4 (7), 264-273. Peroleh 21hb Februari 2017, daripada [http://esjournals.org/journaloftechnology/archive/vol4no7/vol4no7\\_2.pdf](http://esjournals.org/journaloftechnology/archive/vol4no7/vol4no7_2.pdf)
- Minten, B. & Barrett. C.B. (2008). Agricultural Technology, Productivity, and Poverty in Madagascar. *Elsevier*, 36 (5), 797-822.
- Mohammad Raduan Mohd Ariff, Mazlan Majid & Yeap Hock Lai. (2009). Penilaian Semula Program Pembasmian Kemiskinan Nelayan Tradisional Di Sabah: Kajian Kes Di Daerah Kota Belud. *Borneo Research Journal*, 3, 93-114.
- Mohd Fauzi Hamat & Mohd Khairul Naim Che Nordin. 2012. Tinjauan Kepentingan Pembangunan Modal Insan Di Malaysia. *Jurnal Al-Tamaddun*, 7(1), 75-89.
- Mohd Koharuddin bin Mohd Balwi, Taib bin Hj Dora, Fadhilah Zaini, Hamdan Abd Kadir, Hamidah Abd Rahman & Aminah Mohd Khalid. (2004) Gerakan Daya Wawasan (GDW) sebagai pemangkin pembinaan nilai-nilai proaktif, kreatif, inovatif dan cemerlang komuniti luar bandar di Malaysia. In:



- Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), 4-6 September 2004, Hotel City Bayview Langkawi. Peroleh 7hb Mei 2019, daripada <http://repo.uum.edu.my/id/eprint/1819>.
- Muhammad Fauzi Asmuni. (2011). Perjuangan bangsa Melayu dalam mempertahankan jati iri dan agama Islam. Dlm Konvensyen Memperingati *Kejatuhan Empayar Melayu Islam Melaka*. Melaka: Universiti Teknikal Malaysia.
- Nasseri Taib. (1993). Islam dan Pembasmian Kemiskinan. *Jurnal Kemanusiaan*, 3, 1-20.
- Nor Azira Ayob, Sity Daud & Muhamad Takiyuddin Ismail. (2016). Modal insan, daya saing dan prestasi usahawan wanita di Malaysia: Analisis kualitatif usahawan wanita bumiputera di Melaka. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 12 (10), 56 – 67.
- Nor Diana Mohd Idris & Chamhuri Siwar. (2015). From poverty reduction to poverty relief: Impact of non-farm income in Integrated Agriculture Development Area (IADA) Samarahan, Sarawak, Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*. 11 (1), 32 – 41.
- Norasmah Othman, Khairul Khairiyah Khasbullah & Hariyaty Ab Wahid. (2015). Tahap Daya Saing Pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 40(2), 139-149
- Normaliza Abdul Manaf & Kamarulazizi Ibrahim. (2017). Poverty Reduction for Sustainable Development: Malaysia's Evidence-Based Solutions. *Global Journal of Social Sciences Studies*, 3(1), 29-42.
- Norzita Jamil & Siti Hadijah Che Mat. (2014). Realiti Kemiskinan: Satu Kajian Teoritikal (The Reality of Poverty: A Theoretical Study). *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 48(1), 167-177.
- Rajeev Sharma & Gurpreet Singh. (2015). Access to Modern Agricultural Technologies and Farmer Household Welfare: Evidence from India. *Sage Journal: Millennial Asia*, 6(1), 19–43.
- Rajeev Sharma & Gurpreet Singh. (2015). Access to Modern Agricultural Technologies and Farmer Household Welfare: Evidence from India. *Sage Journal : Millennial Asia*, 6(1), 19–43.
- Sheng Wang & Noe. R.A (2010). Knowledge sharing: A review and directions for future research. *Elsevier: Human Resource Management Review*, 20, 115–13.
- Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid & Narimah Samat. (2018). Kemiskinan Keluarga Dan Pengaruhnya Terhadap Tahap Pendidikan Rendah Masyarakat Luar Bandar: Kajian Kes Di Jajahan Bachok, Kelantan. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 13(2), 11-23.

- Spender, J. -C., & Grant, R. M. (1996). Knowledge and the firm: Overview. *Strategic Management Journal*, 17, 5–9.
- Syuhada Abd. Halim, Doris Padmini Selvaratnam & Norlaila Abu Bakar. (2013). Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia VIII. Dasar Awam Dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju. 3. 1340-1351. Johor Baharu. 7- 9 Jun. Diperoleh pada 15 September 2014, daripada [http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVIII/PKEM2013\\_5B3.pdf](http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVIII/PKEM2013_5B3.pdf).
- Thabethe, N., Magezi, V & Nyuswam M. (2012). Micro-credit as a community development strategy: a South African case study. *Community Development Journal*, 47(3), 423–435.
- Tomás López-Guzmán, Sandra Sánchez-Cañizares and Víctor Pavón. (2011). Community - Based Tourism In Developing Countries: A Case Study. *Tourismos: An International Multidisciplinary Journal Of Tourism*, 6(1), 69-84. Peroleh pada 15 Januari 2017, daripada [http://www.chios.aegean.gr/tourism/VOLUME\\_6\\_No1\\_art04.pdf?origin=puplicati](http://www.chios.aegean.gr/tourism/VOLUME_6_No1_art04.pdf?origin=puplicati).
- Weinberger, K. & Lumpkin, T.A. (2007). Diversification into Horticulture and Poverty Reduction: A Research Agenda. *Journal World Development*, 35(8), 1464 -1480.
- Wijaya Kamal Ramlan, Noorasiah Sulaiman & Liew Chei Siang. 2011. Pertumbuhan Ekonomi dan Pengurangan Kemiskinan di Malaysia: Satu Pendekatan Dinamik. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VI (PERKEM VI), Ekonomi Berpendapatan Tinggi: Transformasi ke Arah Peningkatan Inovasi, Produktiviti dan Kualiti Hidup, JILID 1, 482 – 491, 5 – 7 Jun 2011. Melaka Bandaraya Bersejarah. Peroleh 7hb Mei 2019, daripada <http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVI/PERKEM2011-1-3B4.pdf>. retrieved on: 6 May, 2019.
- Xavier, M.J & Ramachander, S. (2000). Pursuit Beyond Competitiveness and Competitive Advantage. *Journal Sage: Perspectives*, 25(2), 3-10.
- Yahaya Ibrahim & Norsiah Ahmad. (2006). Keusahawanan dan Daya Saing Usahawan Melayu di Sektor Pelancongan. *Jurnal Pengajian Melayu*, 17, 16-33.
- Yeoh, J.P.S. & Yeoh, P.A. (2015). Competitiveness between Ethnic Malays and Ethnic Chinese in Malaysia. *Journal of Psychology*, 2(1), 16-21. Peroleh 7hb Julai 2017, daripada <https://www.globalsciencejournals.com/content/pdf/10.7603%2Fs40790-015-0003-1.pdf>.